



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 30 JANUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	FAMA SASAR NILAI JUALAN RM3.5 JUTA BAGI PROGRAM MY RAKYAT TAHUN INI, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2. 3. 4.	PEMBORONG TERPAKSA CATU TELUR AYAM, SH -ONLINE PROGRAM JUALAN KELUARGA MALAYSIA DIADAKAN DU AKLI SEBULAN DI PERAK, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE PROGRAM JUALAN KELUARGA MALAYSIA DIADAKAN DU AKLI SEBULAN DI PERAK, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



30 JAN, 2022

FAMA sasar nilai jualan RM3.5 juta bagi program My Rakyat tahun ini

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA sasar nilai jualan RM3.5 juta bagi program My Rakyat tahun ini

KUALALUMPUR: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menasaskan penganjuran program jualan My Rakyat diperluaskan kepada 152 lokasi di seluruh negara dengan nilai jualan RM3.5 juta bagi tahun ini.

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA Datuk Mohamad Mustahapa Awang berkata, tahun lepas RM3.39 juta nilai jualan direkodkan menerusi program itu dengan penyertaan 4,736 usahawan melibatkan 146 lokasi di seluruh negara.

Beliau berkata pelbagai program khidmat pemasaran FAMA yang memberi manfaat secara terus kepada pengguna

turut ditawarkan dalam My Rakyat seperti Jualan Terus Dari Ladang, Jualan Terus Dari Kilang dan lain-lain.

"My Rakyat menasaskan jualan barangan segar dan runcit yang berkualiti kepada penduduk bandar di samping mewujudkan ruang serta peluang perniagaan yang lebih kepada usahawan fani. Jualan produk makanan juga diadakan bagi menentanghikan tema negeri untuk satu-satu penganjuran.

"Selain itu, ruang yang ada di premis-premis kerajaan dapat dioptimumkan dengan penganjuran program ini dan secara tidak langsung akan mengurangkan kos pengan-

jurannya," katanya dalam kenyataan, kelmarin.

Program jualan My Rakyat dilaksanakan FAMA dengan sokongan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAPI).

Sementara itu Mustahapa berkata, produk pertanian dan makanan dari Kelantan dipilih bagi menarik kehadiran pengunjung pada edisi penganjuran Program Jualan My Rakyat Kelate Kito kali ini yang bermula Khamis di Ibu Pejabat FAMA.

Beliau berkata seramai 24 usahawan menawarkan pelbagai jualan istimewa produk pertanian negeri itu seperti pelbagai jenis ubi serta

makanan tradisi selain produk hiliran.

Menurutnya antara pengisian dan aktiviti yang dijalankan sepanjang dua hari penganjuran program itu adalah persembahan dikir barat, jualan happy hour dan jualan yang bertema ubi-ubian "Menggamit Kenangan" seperti ubi kayu, ubi keledek, ubi kenili, ubi irik, ubi badok, keladi, kacang tanah serta kacang pul.

"Turut diadakan adalah promosi pokokorkid, keladi viral, anak pokok, sayur-sayuran dan pelbagai jenis makanan tradisi negeri Kelantan untuk pengunjung yang hadir," katanya. — Bernama



30 JAN, 2022

FAMA sasar nilai jualan RM3.5 juta bagi program My Rakyat tahun ini

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALALUMPUR: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan penganjuran program jualan My Rakyat diperluaskan kepada 152 lokasi di seluruh negara dengan nilai jualan RM3.5 juta bagi tahun ini. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA Datuk Mohamad Mustahapa Awang berkata, tahun lepas RM3.39 juta nilai jualan direkodkan menerusi program itu dengan penyertaan 4,736 usaha wan melibatkan 146 lokasi di seluruh negara.

30 JAN, 2022

Pemborong terpaksa catu telur ayam

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Pemborong terpaksa catu telur ayam

Peniaga, peruncit harap masalah dapat ditangani segera

Laporan SAIFULLAH AHMAD dan NORAFIZA JAAFAR

GOPENG

Kekurangan telur ayam di pasaran memaksa pembekalannya dicatu bagi memenuhi permintaan orang ramai.

Seorang pemborong telur ayam, Adnan Azizi Zainal Abidin berkata, langkah itu terpaksa dilakukan susulan stok daripada pembekal amat berkurangan berbanding sebelum ini.

Menurutnya, ketika ini hanya sekitar 3,000 hingga 9,000 biji telur sehari diedarkan pembekal berbanding sebelum ini sebanyak 27,000 hingga 30,000 sehari daripada tiga pembekal.

"Permintaan daripada orang ramai terutama peniaga itu memang tinggi tapi kami terpaksa kurangkan jumlah telur ayam supaya lebih ramai boleh dapat.

"Pembekal maktumkan punca kekurangan telur disebabkan ayam banyak mati akibat penyakit, selain kekurangan pekerja dan harga makanan ayam yang mahal.

"Isu ini berlaku sejak sebulan setengah yang lalu. Kalau ada jualan seperti Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM), kita hadkan satu papan (30 biji) telur hanya untuk seorang pelanggan," katanya kepada pemberita selepas PJKM dan



Khairul Anwar (kanan) dan Norsham (empat dari kanan) meninjau jualan telur ayam pada PJKM dan Program Jualan Terus Dari Ladang di pekarangan Hentian Rehat dan Rawat RTC Gopeng, Perak.

Program Jualan Terus Dari Ladang di pekarangan Hentian Rehat dan Rawat Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng di sini.

Hadir sama ialah Pegawai Dacrah Kampar, Khairul Anwar Ramli dan Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Perskutuan (FAMA) Perak, Noorsham Ramly.

Sementara itu, bagi peniaga kedai runcit, Mohamed Arib Aliah, kedainya terpaksa menghentikan jualan telur ayam bagi minggu ini.

Menurutnya, sebelum ini sebanyak 600 biji telur dijual sehari, namun dia mengambil keputusan menangguhkan dahulu penjualannya.

"Kita dapat maklumat kekurangan stok telur ini disebabkan keadaan ayam itu sendiri. Jadi, saya mahu isu-isu berkenaan diselesaikan dahulu, barulah kedai saya jual telur ayam semula," katanya.

Bagi peniaga kedai makan, Norhayati Abd Hamid, kekurangan

bekalan telur ayam di pasaran agak mencetuskan bukan sahaja dari segi bekalan tetapi harga.

Katanya, walaupun masih boleh mendapatkan telur ayam, namun peningkatan harga menyebabkan peniagaan sedikit terkesan.

"Setiap hari, kedai saya guna 60 biji telur ayam. Bagaimanapun sekarang ini harganya dah naik.

"Cuma kalau selepas ini stok berkurang, saya terpaksa fikir alternatif lain," katanya.

Pada Selasa, media melaporkan bekalan telur ayam pelbagai gred di Malaysia berdepan masalah bukan sahaja semakin berkurangan tetapi terdapat pasar raya serta kedai runcit yang sudah kehabisan stok.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah pada Khamis berkata, keadaan cuaca tidak menentu antara faktor kurangnya penghasilan telur ayam.



30 JAN, 2022

Pemborong terpaksa catu telur ayam

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Peniaga, peruncit harap masalah dapat ditangani segera

Kekurangan telur ayam di pasaran memaksa bekalannya dicatu bagi memenuhi permintaan orang ramai. Seorang pemborong telur ayam, Adnan Azizi Zainal Abidin berkata, langkah itu terpaksa dilakukan susulan stok daripada pembekal amat berkurangan berbanding sebelum ini. Menurutnya, ketika ini hanya sekitar 3,000 hingga 9,000 biji telur sehari diedarkan pembekal berbanding sebelum ini sebanyak 27,000 hingga 30,000 sehari daripada tiga pembekal.

30 JAN, 2022

Program Jualan Keluarga Malaysia diadakan dua kali sebulan di Perak

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Program Jualan Keluarga Malaysia diadakan dua kali sebulan di Perak

GOPENG: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) akan dianjurkan dua kali sebulan di 24 kawasan Parlimen di Perak.

Ketua Seksyen Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri R. Magendran berkata, sehingga kini sebanyak 61 PJKM telah dilaksanakan di beberapa daerah di negeri ini.

"Jumlah pengunjung yang menerima manfaat menerusi program ini ialah kira-kira 20,000 orang dengan secara keseluruhannya nilai jualan pula mencecah sehingga RM280,000," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Program Jualan Terus Dari Ladang dan PJKM yang turut dihadiri Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perak Noorsham Ramly di hentian Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng di sini semalam.

Sementara itu, Noorsham berkata PJKM yang berlangsung selama tiga hari bermula kelmari membabitkan seramai 72 usahawan dan 50 gerai jualan.

"Kita sasarkan nilai jualan kira-kira RM100,000 bagi tempoh tiga hari kerana tarikan di sini ialah pelbagai barangan yang dijual harganya lebih rendah berbanding di pasaran.

Seorang pemborong yang hanya mahu dikenali sebagai Adnan berkata, dia menjual telur pada program itu dengan harga yang berpatutan dan lebih rendah daripada harga pasaran.

"Sejak kebelakangan ini ramai pelanggan merungut harga telur agak mahal di pasaran selain pengeluaran juga kurang.

"Kami sebagai pemborong terpaksa mencatu pan-



MURAH: Pengunjung membeli pelbagai jenis sayur-sayuran segar dari ladang yang dijual dengan harga RM1 sebungkus pada Program Jualan Terus Dari Ladang dan Program Jualan Keluarga Malaysia yang berlangsung selama tiga hari membabitkan seramai 72 usahawan dan 50 gerai jualan di hentian Pusat Transformasi Luar Bandar di Gopeng, semalam. — *Gambar Bernama*



HARGA LELONG: Peniaga Rizal Daud (kiri) menjual ayam segar sebanyak 150 ekor kepada pengunjung dengan harga lelong RM10 sekor pada Program Jualan Terus Dari Ladang dan Program Jualan Keluarga Malaysia di hentian Pusat Transformasi Luar Bandar Gopeng, semalam. — *Gambar Bernama*

ghantaran di kedai-kedai, berharap masalah ini dapat kebaikkan semua pihak," hampir 30 peratus. Saya diselesaikan segera untuk katanya. — *Bernama*



30 JAN, 2022

Program Jualan Keluarga Malaysia diadakan dua kali sebulan di Perak

[Utusan Borneo Sarawak, Malaysia](#)

Page 2 of 2

SUMMARIES

GOPENG: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) akan dianjurkan dua kali sebulan di 24 kawasan Parlimen di Perak. Ketu Seksyen Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri R. Magendran berkata, sehingga kini sebanyak 61 PJKM telah dilaksanakan di beberapa daerah di negeri ini. "Jumlah pengunjung yang menerima manfaat menerusi program ini ialah kira-kira 20,000 orang dengan secara keseluruhannya nilai jualan pula mencecah sehingga RM280,000," katanya.

30 JAN, 2022

Program Jualan Keluarga Malaysia diadakan dua kali sebulan di Perak

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

Program Jualan Keluarga Malaysia diadakan dua kali sebulan di Perak

GOPENG: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) akan dianjurkan dua kali sebulan di 24 kawasan Parlimen di Perak.

Ketua Seksyen Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri R. Magendran berkata, sehingga kini sebanyak 61 PJKM telah dilaksanakan di beberapa daerah di negeri ini.

"Jumlah pengunjung yang menerima manfaat menerusi program ini ialah kira-kira 20,000 orang dengan secara keseluruhannya nilai jualan pula mencecah sehingga RM280,000," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Program Jualan Terus Dari Ladang dan PJKM yang turut dihadiri Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perak Noorsham Ramly di hentian Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng di sini semalam.

Sementara itu, Noorsham berkata PJKM yang berlangsung selama tiga hari bermula kelmarin membabitkan seramai 72 usahawan dan 50 gerai jualan.

"Kitasasarkan nilai jualan kira-kira RM100,000 bagi tempoh tiga hari kerana tarikan di sini ialah pelbagai barangan yang dijual harganya lebih rendah berbanding di pasaran.

Seorang pemhorong yang hanya mahu dikenali sebagai Adnan berkata, dia menjual telur pada program itu dengan harga yang berpatutan dan lebih rendah daripada harga pasaran.

"Sejak kebelakangan ini ramai pelanggan merungut harga telur agak mahal di pasaran selain pengeluaran juga kurang.

"Kami sebagai pemborong terpaksa mencatu pan-



MURAH: Pengunjung membeli pelbagai jenis sayur-sayuran segar dari ladang yang dijual dengan harga RM1 sebungkus pada Program Jualan Terus Dari Ladang dan Program Jualan Keluarga Malaysia yang berlangsung selama tiga hari membabitkan seramai 72 usahawan dan 50 gerai jualan di hentian Pusat Transformasi Luar Bandar di Gopeng, semalam. — Gambar Bernama



HARGA LELONG: Peniaga Rizal Daud (kiri) menjual ayam segar sebanyak 150 ekor kepada pengunjung dengan harga lelong RM10 seekor pada Program Jualan Terus Dari Ladang dan Program Jualan Keluarga Malaysia di hentian Pusat Transformasi Luar Bandar Gopeng, semalam. — Gambar Bernama

ghantaran di kedai-kedai, berharap masalah ini dapat diselesaikan segera untuk kebaikan semua pihak," katanya. — Bernama



30 JAN, 2022

Program Jualan Keluarga Malaysia diadakan dua kali sebulan di Perak

[Utusan Borneo Sabah, Malaysia](#)

Page 2 of 2

SUMMARIES

GOPENG: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) akan dianjurkan dua kali sebulan di 24 kawasan Parlimen di Perak. Ketu Seksyen Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri R. Magendran berkata, sehingga kini sebanyak 61 PJKM telah dilaksanakan di beberapa daerah di negeri ini. "Jumlah pengunjung yang menerima manfaat menerusi program ini ialah kira-kira 20,000 orang dengan secara keseluruhannya nilai jualan pula mencecah sehingga RM280,000," katanya.